

PROPAGANDA MEDIA ANTARABANGSA DALAM PERISTIWA PENAHANAN DAN PENDAKWAAN ANWAR IBRAHIM, 1998-2004

(The Propaganda of International Media in the Arrest and Prosecution of Anwar Ibrahim, 1998-2004)

Aszlan Selamat & Shakila Yacob

ABSTRAK

Peristiwa penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim telah menarik minat media antarabangsa sehingga menjadikan isu ini hangat dibincangkan di Parlimen Malaysia sebagai respon ke atas laporan yang didakwa bersifat provokasi. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan kerajaan Malaysia kerana laporan yang diterbitkan oleh media antarabangsa dikatakan sering keluar dari konteks sebenar, diputar belit dan tidak memberikan gambaran mengenai situasi sebenar. Makalah ini bertujuan untuk membincangkan mengenai propaganda media antarabangsa dan impaknya terhadap Malaysia yang melatari peristiwa penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim terhadap persoalan status Anwar Ibrahim sama ada benar-benar bersalah ke atas dakwaan yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia atau sekadar hanya sebagai mangsa konspirasi politik seperti yang dinyatakan oleh media antarabangsa. Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah melalui analisa yang dibuat ke atas data primer dan sekunder. Kaedah temu bual turut digunakan untuk memantapkan lagi pembuktian dalam perbincangan makalah ini. Didapati media antarabangsa yang menyebarkan propaganda termasuklah *Washington Post*, *New York Times*, *The Times*, *CNN*, *CNBC*, *Asiaweek* dan *Far East Economic Review* menerbitkan laporan bersifat provokatif ke atas kerajaan Malaysia, sistem kehakiman, pihak polis, ahli kabinet dan Majlis Tertinggi UMNO. Selain itu, propaganda media antarabangsa telah menaikkan kemarahan kerajaan Malaysia. Propaganda media antarabangsa turut memberi kesan ke atas pembangunan ekonomi Malaysia khususnya dalam aspek pelancongan melalui laporan yang memberi gambaran bahawa Malaysia negara yang tidak stabil dan tidak selamat untuk dikunjungi.

Kata Kunci: Propaganda, Media Antarabangsa, Penahanan dan Pendakwaan Anwar Ibrahim

ABSTRACT

The arrest and prosecution of Anwar Ibrahim have attracted the international media interest, which led to the issue being hotly discussed at the Parliament of Malaysia in response to the provocative reports. This circumstance has raised concerns to the Malaysian government as reports published by the international media were often taken out of the actual context, distorted, and misrepresented the real situation. This paper will discuss the international media propaganda and its impact on Malaysia in the case of Anwar Ibrahim's arrest and prosecution. International media reported regard to Anwar's status; was Anwar Ibrahim guilty as charged by the government of Malaysian or merely a victim of political conspiracy as claimed in their provocative reports, specifically as discussed in the Parliament of Malaysia. This article used historical research methods through analysis of primary and secondary data. The interview

method also used to further enhance the validation of this paper. The finding showed, among the international media found propagating the issue were the Washington Post, the New York Times, The Times, CNN, CNBC, Asiaweek, and the Far East Economic Review who had published provocative reports on the Malaysian government and its judicial system, the police, cabinet members and Supreme Council of UMNO. Also, International media propaganda was found to have raised Malaysia's resentment and affected Malaysia's economic development, particularly the tourism sectors, through their reports, which renders the notion that Malaysia is an unstable and unsafe country to be visited.

Keywords: Propaganda, International Media, arrest and prosecution of Anwar Ibrahim

PENGENALAN

Tulisan ini akan membincangkan mengenai propaganda media antarabangsa dan impaknya ke atas Malaysia yang melatari peristiwa penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim terhadap persoalan status Anwar Ibrahim sama ada benar-benar bersalah ke atas dakwaan dikenakan kerajaan Malaysia atau sekadar hanya sebagai mangsa konspirasi politik seperti yang dilaporkan dan diterbitkan oleh media antarabangsa. Antara aspek penting yang menonjol dalam perbincangan ini ialah peranan yang dimainkan oleh media antarabangsa yang dibincangkan dalam persidangan Parlimen Malaysia. Justeru itu, propaganda media antarabangsa dikesan melalui penerbitan laporan dan berita mengenai isu penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim yang memberi kesan ke atas imej Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam aspek pelancongan.

Bermula 2 September 1998, isu mengenai penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim begitu hangat dibincangkan di dada-dada akhbar antarabangsa apabila Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ditahan oleh pihak Polis Malaysia. Banyak fakta dan berita yang dilaporkan telah keluar dari konteks sebenar dan ditokok tambah bagi menunjukkan provokasi media ke atas peristiwa ini bagi mendesak kerajaan Malaysia agar menggugurkan kes tersebut. Hakikatnya, walaupun isu ini telah lama dilaporkan dan diterbitkan oleh media sebagai tanda protes ke atas penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim, namun isu ini hanya dibincangkan di Kongres AS apabila akhbar AS seperti *New York Times* dan *Washington Post* melaporkan dan menerbitkan serta memaparkan berita semasa Anwar Ibrahim hadir ke Mahkamah dengan mata lebam dan memakai pendakap leher. Sebelum itu AS menyatakan bahawa isu ini merupakan masalah dalaman Malaysia. Antara media antarabangsa yang didapati menyebarkan propaganda yang memburuk-burukkan Malaysia termasuklah *Washington Post*, *New York Times*, *The Times*, *CNN*, *CNBC*, *Asiaweek* dan *Far East Economic Review*.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai propaganda media antarabangsa dalam isu peristiwa penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim kurang diketengahkan oleh sarjana-sarjana dalam bidang sejarah, sains politik dan hubungan antarabangsa. Kebanyakan perbincangan memfokus ke atas perjalanan kes tersebut (Trowell, 2012) dan isu-isu yang berkaitan dengan demokrasi dan pelanggaran hak asasi manusia. Tidak banyak perbincangan yang memberi penumpuan kepada aspek-aspek propaganda media dalam kes penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim. Literatur terkini membincangkan mengenai pengaruh peristiwa Penahanan dan Pendakwaan

Anwar Ibrahim dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat (Aszlan & Shakila, 2019). Manakala dalam *US-Malaysia Relations, 2000-2011* hanya memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai hubungan Malaysia-AS selepas peristiwa 11 September apabila AS bersetuju untuk menjalinkan kerjasama bagi memerangi keganasan, namun masih enggan mengubah pendirian mengenai status Anwar Ibrahim sebagai tahanan politik (Sodhy, 2011).

Selain itu, terdapat literatur yang turut menyentuh sedikit impak mengenai isu ini dalam konteks hubungan Malaysia-AS ketika era pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad (1998-2003). Walau bagaimanapun, penulisan tersebut tidak membincangkan mengenai propaganda media antarabangsa dalam isu penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim. Sebaliknya, hanya menggunakan surat khabar *New York Times* dan *New Straits Times* sebagai sumber rujukan dalam penulisannya (Mas Juliana, 2017). Oleh itu, penulisan ini penting untuk mengisi lompong yang wujud dalam literatur terdahulu yang mengabaikan aspek propaganda media antarabangsa dan impaknya ke atas Malaysia dalam kes penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim.

METODOLOGI KAJIAN

Tulisan ini menggunakan kaedah analisis sejarah, iaitu penelitian yang dibuat ke atas data-data arkib dan kepustakaan. Kaedah kritikan dalaman turut digunakan untuk memastikan kredibiliti data sebelum memulakan proses histriografi. Sebahagian besar data primer yang digunakan dalam tulisan ini dirujuk daripada rekod Parlimen, rekod Kongres, akhbar, majalah dan melalui kaedah temu bual secara langsung bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia (1981-2003 & 2018-kini) dan Dato Seri Syed Hamid Albar, mantan Menteri Luar Negeri (1999-2008). Sementara itu, data sekunder kajian ini menggunakan banyak kajian dan penulisan terdahulu yang telah diterbitkan dalam bentuk artikel dalam jurnal dan buku.

DEFINISI PROPAGANDA

Propaganda merupakan perkataan yang berasal dari bahasa latin iaitu *propagare* yang bermaksud pengembangan atau penyebarluasan. Secara umumnya propaganda bermaksud cara atau tindakan untuk menghebahkan penerangan, ajaran, fahaman, ideologi atau pendapat untuk mempengaruhi orang ramai (<http://www.prpm.dbp.gov.my>). Dalam bahasa Melayu, propaganda bermaksud *dakyah* (Mansor, 1995). Walau bagaimanapun, terma propaganda mempunyai definisi yang berbeza-beza menurut ahli Sarjana. Lasswell, (1937) mendefinisikan propaganda sebagai kaedah untuk mempengaruhi sikap dan tingkah laku manusia dengan memanipulasi medium komunikasi yang disebarluaskan dan dipaparkan dalam bentuk percakapan, penulisan, gambar dan muzik.

Menurut Sastropoetro (1983), propaganda merupakan suatu bentuk penyebaran pesanan yang telah dirancang secara sistematis untuk mengubah pandangan, sikap, tingkah laku dan pendapat pihak yang menerima pesanan selari dengan hasrat yang telah ditetapkan oleh penyampai pesanan tersebut. Berdasarkan definisi propaganda tersebut, Sastropoetro menggariskan beberapa elemen penting yang terkandung dalam Propaganda. Pertama, terdapat penyampai maklumat melalui pesanan dengan tujuan tertentu. Kedua, terdapat penerima pesanan yang menerima maklumat dan bertindak selari dengan hasrat penyampai maklumat.

Bukhory, Amelia dan Zulkipli (2000) mendefinisikan propaganda sebagai satu bentuk komunikasi yang dirancang, bersifat sistematis dan dilakukan secara berulang-ulang untuk mempengaruhi sikap seseorang, sekumpulan masyarakat atau sesuatu bangsa agar melakukan

sesuatu dengan sedar tanpa dipaksa. Dari perspektif politik, propaganda didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi untuk membantu dan menyokong objektif kerajaan atau pihak lawan dalam usaha memujuk, mempengaruhi emosi dan tingkah laku individu atau sesebuah kumpulan bagi kebaikan penaja propaganda (McLaurin, 1982).

Menurut perspektif disiplin hubungan antarabangsa pula, propaganda merupakan tindakan menggunakan maklumat terpilih yang bertujuan untuk memujuk kumpulan sasaran bagi memenuhi keinginan atau menurut kemahuan pihak yang menyebarkan maklumat yang disebarluaskan (Couloumbis dan Wolfe, 1990). Menurut John Martin dalam Malik, Rakhmat dan Shoelhi (1993), propaganda antarabangsa merupakan kegiatan komunikasi persuasif sesebuah negara yang ditujukan kepada khalayak asing. Disebabkan propaganda memiliki makna yang tidak baik, hanya segelintir sahaja pemimpin negara yang mengakui menggunakan propaganda secara terbuka. Sebaliknya, pemimpin yang tidak mengakui menggunakan propaganda terbuka biasanya menggunakan kaedah propaganda halus (*eufemisme*) yang diterjemahkan dalam bentuk program-program tertentu seperti perkongsian maklumat dan aktiviti kebudayaan.

Walau bagaimanapun, definisi yang lebih dekat dalam perbincangan ini ialah propaganda merupakan maklumat, idea-idea atau gossip yang disebarluaskan secara meluas untuk menyokong atau menghancurkan individu, kelompok, persatuan atau keyakinan sesebuah bangsa. Propaganda turut didefinisikan sebagai manipulasi secara berterusan yang dilakukan secara sengaja dengan menggunakan simbol seperti percakapan, sikap, gambar atau muzik ke atas pikiran atau tindakan orang lain yang disasarkan ke atas kepercayaan, nilai dan tingkah laku mereka serta memaparkan maklumat atau hujah yang dirancang. Selain itu, propaganda turut dilihat sebagai usaha yang dilakukan secara sengaja dan sedar untuk mempengaruhi sikap atau pendapat yang berkaitan dengan sesuatu doktrin atau aktiviti untuk menyebarkan maklumat yang terkandung dalam objektif aktiviti tersebut (Boelcke, 1970).

Menurut Jowett (1990), propaganda merupakan teknik untuk mempengaruhi tindakan manusia dengan memanipulasi maklumat yang biasanya disampaikan dalam bentuk lisan, tulisan, gambar atau muzik. Oleh itu jelas bahawa definisi propaganda menunjukkan usaha tersebut dilakukan untuk mencapai matlamat tertentu yang dilaksanakan dengan memanipulasi maklumat dan disampaikan dalam pelbagai bentuk. Definisi propaganda penting dalam perbincangan ini bagi memahami bagaimana propaganda media antarabangsa memberi impak ke atas Malaysia dalam peristiwa penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim.

LATAR BELAKANG PERISTIWA PENAHANAN DAN PENDAKWAAN ANWAR IBRAHIM

Pada 2 September 1998 Anwar Ibrahim telah dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Pemecatan Anwar Ibrahim disebabkan beliau mempunyai perwatakan yang meragukan dan tidak layak menggantikan Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang seterusnya (Mahathir, 2012). Perkara ini berbeza dengan kenyataan media antarabangsa yang turut melaporkan peristiwa ini. Media antarabangsa menonjolkan isu pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan disebabkan perbezaan pendapat mengenai dasar ekonomi dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi Malaysia yang dilanda krisis ekonomi Asia yang bermula dalam bulan Julai 1997 (Utusan Malaysia, 4 September 1998). Walau bagaimanapun, Dr Mahathir tidak bersetuju dengan laporan media tersebut kerana bagi beliau perbezaan pendapat dengan Anwar Ibrahim boleh menjadi bahan perbahasan dan perbincangan yang sihat di dalam Kabinet (Mahathir, 2012).

Pada bulan Julai 1998, Anwar Ibrahim dilihat berada di barisan hadapan melancarkan kempen pembaharuan politik dalam UMNO. Pada masa yang sama, Anwar juga telah mengadakan perhimpunan untuk mendapatkan sokongan kampen pembaharuan yang mendakwa Dr Mahathir sebagai paranoia dan enggan membuat pembaharuan dalam UMNO dengan segera. Walau bagaimanapun, Dr Mahathir Mohamad telah bertindak mematahkan kampen tersebut melalui kampen anti-Nepotisme di bahagian peringkat tertinggi kerajaan. Akibatnya, Anwar Ibrahim telah diusir keluar semasa persidangan UMNO dan diberi pilihan sama ada meletak jawatan atau digugurkan dari parti UMNO. Beberapa hari kemudian, seorang lelaki tampil dan mendakwa telah diliwat oleh Anwar sebanyak 15 kali. Pada masa yang sama, seorang peniaga telah membuat laporan bahawa Anwar cuba mengoda isteri peniaga tersebut (*BBC*, 4 & 13 September 1988).

Pihak mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara 6 bulan kepada dua orang lelaki yang disabitkan bersalah kerana membenarkan diri mereka diliwat oleh Anwar Ibrahim, iaitu abang angkat dan penasihat Anwar, Sukma Dermawan dan Munawar Anees (*Utusan Malaysia*, 19 September 1998). Walau bagaimanapun, Anwar menyatakan tindakan tersebut sebagai tuduhan daripada Dr Mahathir untuk memburuk-burukkan beliau (*New York Times*, 21 September 1998). Disebabkan tindakan Anwar menentang Perdana Menteri, beliau telah dicadangkan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Cadangan ini dikuatkan lagi dengan dakwaan beliau mempunyai hubungan dengan kumpulan luar Malaysia yang bersifat subversif dan boleh mengancam keselamatan negara (*BBC*, 4 September 1998). Anwar menafikan tuduhan tersebut kerana tidak mempunyai sebarang bukti. Penahanan ke atas Anwar Ibrahim membawa kepada 21 pendakwaan termasuklah rasuah, sogokan, salahguna kuasa, pengkhianatan dan salah laku seksual (*New Straits Times*, 14 September 1998).

Pada 29 September dan 5 Oktober 1998, Anwar hadir ke Mahkamah dengan mata lebam dan memakai pendakap leher. Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Polis Negara, Rahim Noor berpendapat lebam tersebut disebabkan oleh kesilapan Anwar sendiri (*BBC*, 30 September 1998). Anwar mendakwa beliau telah dipukul semasa berada dibawah tahanan polis. Selepas siasatan dijalankan oleh Suruhanjaya Diraja, didapati lebam di mata Anwar Ibrahim disebabkan oleh serangan fizikal oleh Ketua Polis Negara, Rahim Noor. Oleh itu, Rahim telah memohon maaf dan dijatuhkan hukuman penjara 2 bulan dan didenda sebanyak RM 2000 (*Aliran*, 1 March 1999 & *BBC*, 17 Ogos 2016).

Pada 14 April 1999, Anwar telah dijatuhkan hukuman penjara 6 tahun atas kesalahan rasuah dan pada 8 Ogos 2000 pula, Anwar telah dijatuhkan hukuman penjara selama 9 tahun atas kesalahan salahlaku seksual (*New York Times*, 15 April 1999 & Mark Trowell, 2012). Walau bagaimanapun, pada 12 Mei 2001, lima tuduhan jenayah ke atas Anwar telah digugurkan oleh pihak pendakwaraya kerana kekurangan bukti iaitu empat dakwaan meliwat dan satu kes rasuah (*Utusan Malaysia*, 13 Mei 2001). Pada 2 September 2004, Mahkamah Tinggi Persekutuan membuat keputusan membebaskan Anwar Ibrahim daripada dakwaan salahlaku seksual iaitu meliwat kerana kekurangan bukti (*New Straits Times*, 3 September 2004).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

i) Penyebaran Propaganda oleh Media Antarabangsa

Penyebaran propaganda mengenai isu penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim dilakukan melalui penerbitan beberapa wacana, laporan dan berita yang sengaja dibuat untuk memburuk-burukan imej Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia. Tindakan media ini telah menyebabkan

wujudnya hubungan yang tidak mesra antara media antarabangsa dan Malaysia. Contohnya, Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Polis Malaysia telah memberi amaran kepada media antarabangsa yang membuat laporan dan menerbitkan berita berkaitan peristiwa tersebut. Dr Mahathir mendakwa laporan media antarabangsa melaporkan penipuan mengenai situasi di Malaysia. Dr Mahathir juga berulang kali mengecam media antarabangsa yang memberikan laporan meluas pemecatan Anwar Ibrahim dan gerakan reformasi yang sering dikaitkan dengan nama beliau (BBC, 17 November 1998).

Selain itu, Kementerian Komunikasi Malaysia juga telah bertindak memberi amaran dan melarang media antarabangsa menggunakan perkhidmatan satelit yang disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk menyiar dan melaporkan perhimpunan oleh Anwar Ibrahim dan penyokongnya. Hal ini kerana, perkhidmatan satelit disediakan untuk laporan Sukan Komanwel dan lawatan Queen Elizabeth. Walau bagaimanapun, perkhidmatan satelit telah disalahguna oleh media antarabangsa untuk menyiar rusuhan yang dilakukan oleh penyokong Anwar Ibrahim (BBC, 17 November 1998).

Pendirian yang sama ditunjukkan oleh media negara jiran Malaysia seperti Filipina, Thailand dan Indonesia yang melaporkan dan menerbitkan berita yang mengkritik tindakan kerajaan Malaysia apabila menahan Anwar Ibrahim. Menurut Laporan BBC (4 Oktober 1998) dalam artikel bertajuk “*Asia-Pacific Mounting Criticism to Anwar Detention*,” serangan media ke atas Dr Mahathir oleh surat khabar Filipina, Indonesia dan Thailand didakwa kasar.

Newspaper editorials in the Philippines, Thailand and Indonesia have been unusually harsh in their attacks on the Malaysian Prime Minister, Mahathir Mohamad, and forthright in their defence of Mr Anwar.

(BBC, 4 Oktober 1998)

ii) Penyebaran Propaganda oleh Washington Post

Antara penulisan awal yang mencetuskan kontroversi adalah laporan yang diterbitkan oleh akhbar antarabangsa ialah *Washington Post* bertajuk “*Mahathir’s Disgrace*” (Keibaikan Mahathir) yang diterbitkan pada 19 April 1999 iaitu 5 hari selepas Anwar Ibrahim dijatuhan hukuman penjara selama 6 tahun. Artikel ini didapati menerbitkan dan menyebarkan propaganda mengenai kepincangan sistem pentadbiran Malaysia. Oleh itu, pada 5 Mei 1999, duta Malaysia di AS iaitu Datuk Ghazali Sheikh Abdul Khalid memberi respon kepada lidah pengarang *Washington Post* yang mengutuk Malaysia. Artikel tersebut menyerang Malaysia dengan mengutuk Dr Mahathir dan badan kehakiman Malaysia. Pada masa yang sama, akhbar *Washington Post* menunjukkan sokongan ke atas idea ekonomi yang dibawa oleh Anwar Ibrahim untuk memulihkan ekonomi Malaysia. Artikel itu juga menjangkakan ekonomi Malaysia akan mengalami kemerosotan yang teruk kerana menolak idea Anwar Ibrahim (*Utusan Malaysia*, 6 Mei 1999). Membidas dakwaan tersebut, Datuk Ghazali telah melampirkan angka pelbagai pertumbuhan dan saham syarikat yang menunjukkan ekonomi Malaysia akan mengalami pertumbuhan yang positif. Menjawab mengenai proses perundungan Malaysia pula, menurut Datuk Ghazali:

Fakta membuktikan segala-galanya. Kes itu adalah yang paling lama dalam sejarah undang-undang Malaysia, dijalankan lebih 78 hari dengan 44 saksi dipanggil untuk memberikan keterangan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan; Anwar diwakili sembilan peguam yang dipilihnya sendiri; perbicaraan terbuka kepada orang ramai, serta kepada pemerhati dan surat khabar asing; perbicaraan itu dilaporkan secara kata demi kata oleh surat khabar tempatan dan

antarabangsa; dan penghakimannya sepanjang 394 muka surat. Kenyataan bahawa isteri Anwar, Wan Azizah, dapat menubuhkan satu parti politik untuk mengetengahkan agenda politik beliau adalah bukti kepada semangat dan kekuahan sistem demokrasi Malaysia.

(Utusan Malaysia, 16 Mei 1999)

Semasa persidangan Parlimen pada 4 Mei 1999, akhbar *Washington Post* sekali lagi dikritik oleh Dato' Abdul Aziz. Rencana tersebut menekankan mengenai keadaan ekonomi Malaysia yang tidak stabil. Hakikatnya, perkara ini berbeza dengan apa yang telah dinyatakan oleh Setiausaha Perbendaharaan AS bahawa ekonomi Malaysia telah pulih melalui dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan tanpa sebarang bantuan daripada IMF (Penyata Rasmi Parlimen, 4 Mei 1999). Perkara ini menunjukkan akhbar asing masih meneruskan usaha menyebarkan propaganda untuk memburuk-burukan Malaysia walaupun mereka menyedari bahawa ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang baik.

iii) Penyebaran Propaganda oleh *New York Times*

Penyebaran propaganda turut dilakukan oleh akhbar *New York Times*. Perkara ini jelas apabila Datuk Ghazali memberi respon ke atas artikel yang diterbitkan oleh *New York Times* bertajuk "*Malaysia's Low Tide*" yang ditulis sendiri oleh Anwar Ibrahim semasa berada di penjara sehari selepas beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 6 tahun kerana kesalahan rasuah dan menyalahgunakan kuasa (*Utusan Malaysia*, 16 Mei 1999). Dalam artikel tersebut, Anwar memberi gambaran mengenai Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang yang gila kuasa dan berazam menyekat sebarang pergerakkan pembaharuan dalam kerajaan. Berikut merupakan jawapan Datuk Ghazali kepada penulisan Anwar:

Malaysia's Low Tide" (April 15), by Anwar Ibrahim, the former Deputy Prime Minister, is a display of frustration by a man who by his own follies failed to become Prime Minister and now chooses to lay the blame on others. Despite his disdain for the Malaysian judiciary, Mr. Anwar has not hesitated to sue the Government, Prime Minister Mahathir Mohamad and media organizations. And the courts favoured him during his trial when they granted an injunction against the public airing of any statements about his alleged sexual misconduct.

(*New York Times* 24 April 1999)

Akhbar *New York Times* turut berusaha untuk membuktikan bahawa Anwar tidak bersalah dengan mengemukakan pelbagai fakta dan hujah yang memihak kepada Anwar dan menyalahkan kerajaan Malaysia. Perkara itu sengaja dilakukan bagi meraih sokongan dan perhatian daripada komuniti antarabangsa khususnya AS. Disebabkan perkara tersebut, Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada akhbar dan kerajaan AS kerana mengkritik dan campur tangan dalam urusan pentadbiran Malaysia.

Pada 1 Oktober 1998, ahli Parlimen Yim Chee Cheong dari Negeri Sembilan membincangkan tindakan media antarabangsa yang telah memburuk-burukkan negara Malaysia. Media antarabangsa didapati menyebarkan dan menerbitkan berita mengenai Anwar Ibrahim yang dalam tahanan dan dicederakan oleh pihak polis. Oleh itu, media menuduh Malaysia sebagai "negara polis dan negara yang tidak demokrasi" (Penyata Rasmi Parlimen, 1 Oktober 1998). Kenyataan yang diberikan oleh Yim Chee Cheong dipetik dari media antarabangsa tidak dinyatakan sumbernya. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut selari

dengan laporan yang diterbitkan oleh surat khabar *New York Times* bertajuk “*Malaysian Police Break Up Protests on Arrest*” oleh Seth Mydans (*New York Times*, 22 September 1998). Ini menunjukkan kerajaan Malaysia mengambil serius isu-isu yang dilaporkan apabila media mula mengetengahkan dakwaan Anwar Ibrahim sebagai tidak bersalah dan menjadi mangsa konspirasi politik.

iv) Penyebaran Propaganda oleh *The Times*

Pada 1 Oktober 1998, ahli Dewan Negara, Datuk Zainuddin bin Maidin telah memberi kenyataan mengenai tindakan majalah *The Times* yang menerbitkan artikel yang menyatakan bahawa diantara negara yang paling banyak disebut oleh media di dunia pada ketika itu ialah negara Malaysia kerana dikaitkan dengan isu penahanan dan pendakwaan ke atas Anwar Ibrahim. Dalam rencana yang sama, pengarah Lembaga Rizab Persekutuan (*Federal Reserve Board*), Alan Greenspan mengkritik Malaysia dengan menyatakan “*Malaysia's tough new currency control as if they were little more than a way of avoiding obligation an economic reform*” (Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998).

Selain itu, Datu Haji Ibrahim bin Ali telah mendedahkan propaganda media antarabangsa yang dilakukan oleh wartawan majalah *The Times* yang memutar belit cerita walaupun telah diberikan gambaran sebenar mengenai situasi di Malaysia. Sebelum itu, Datu Haji Ibrahim menjelaskan kepada wartawan *The Times* iaitu John Colmey dan David Liphole bahawa kebanyakan penulisan dalam majalah *The Times*, *Asiaweek* dan *Far Eastern Economic Review* adalah kurang tepat. Menurut Datu Ibrahim Ali:

Saya terperanjat membaca majalah Times bertarikh 5 Oktober 1998 yang baru diterbitkan yang memuatkan gambar bekas Timbalan Perdana Menteri, dengan izin, ‘Malaysia without Anwar: Can Mahathir make the spirit of reformasi fade away?’ Saya ingin mendedahkan kejahatan wartawan-wartawan asing terutamanya dari majalah-majalah yang terkemuka seperti The Time. Berita ini ditulis oleh John Colmey dan David Liphole. David Liphole ini berpusat di Jakarta manakala John Colmey ini dia punya correspondent yang berpusat di Hong Kong. Kedua-dua wartawan dan penulis ini ada datang menemui saya di pejabat untuk menemubual pandangan saya berhubung dengan perkembangan politik mutahir di negara kita ini. Apabila mereka menyoal saya dan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, pada awal-awal lagi soalan-soalan yang mereka kemukakan kepada saya berbentuk negatif yang memang cuba hendak memerangkap saya sebagai seorang ahli politik dengan memuatkan soalan-soalan yang kalau saya tidak berhati-hati menjawab, mereka boleh memerangkap bagi mengelirukan lagi pandangan dunia luar mengenai Malaysia.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Selain daripada memberi penjelasan mengenai keadaan sebenar politik di Malaysia, Datu Haji Ibrahim juga telah menjemput wartawan malajah *The Times* untuk menyertai beliau ke majlis perjumpaan yang diadakan di Batu Laut, Sepang untuk memberikan penerangan kepada rakyat dan ahli-ahli UMNO mengenai keadaan semasa politik Malaysia. Tujuan beliau berbuat sedemikian adalah untuk menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku di Malaysia dan membuktikan bahawa majoriti rakyat Malaysia masih menyokong kerajaan. Menurut Datu Ibrahim Ali lagi:

Saya mengundang kedua-dua mereka ini untuk turut serta melihat bagaimana padunya dan bagaimana disiplinnya parti UMNO yang menjadi tulang belakang

kepada kerajaan. Salah seorang dari dua wartawan ini bersetuju mengikut saya, yang mengikut saya ialah David Liphole. Di dalam artikelnnya 'Out of the bottom,' mula-mula sekali dalam introduction dia menyebut di sini secara ringkasnya di mana beliau menyebut beliau turut sama ke Batu Laut iaitu di Sekolah Menengah Agama Batu Laut dalam Bahagian Sepang. Saya mengambilnya di sebuah hotel kerana saya hendak membuktikan kepada wartawan asing ini apa yang mereka tulis adalah tidak betul sama sekali, kita memberi layanan dan kerjasama yang sepenuhnya, rupa-rupanya walaupun kita beri kerjasama dan memberi kemudahan dan menunjukkan sikap baik kita mereka masih lagi mampu memutarbelitkan fakta yang tidak sepatutnya beliau lakukan.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Walaupun telah diberikan penjelasan dan pendedahan keadaan sebenar, namun didapati wartawan *The Times* masih melaporkan keadaan yang sebaliknya. Perkara ini terbukti apabila di dalam pengenalan artikel yang ditulis oleh David Liphole menyebut:

The seeds of doubt are planted in the dark. "We're not sure who's wrong and who's right" whispers a young man, sitting apart from the crowd that has gathered outside a schoolhouse in the tiny, moonlit town of Batu Laut. Inside Ibrahim Ali steps to the podium. Stout and authoritative, a member of the powerful Supreme Council of the ruling United Malays National Organisation (UMNO), he spends more than an hour soothing the doubts of 100 local party cadres.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Artikel yang ditulis oleh David Liphole ini juga telah menaikkan kemarahan Datu Haji Ibrahim dan mengelar mereka sebagai penipu besar walaupun telah diberikan penjelasan dan melihat sendiri keadaan sebenar. Datu Haji Ibrahim telah menjelaskan keadaan tersebut di dalam Parlimen.

Dia tahu sendiri, dia lihat sendiri kehadiran pada hari itu tidak kurang dari 600 hingga 700 orang, yang hadir di majlis tersebut. Manakala apabila dia menyebut soal orang berhimpun di Masjid Negara ataupun di Dataran Merdeka dalam perkembangan politik mutakhir sesudah Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat, sampai mereka menyebut sampai kepada "crowd estimated at more than 80,000 on the September 2(1)", calling for Dr Mahathir resignation." Ini saya kira 'the big liar' makna pembohongan yang paling besar, yang dibuat oleh wartawan-wartawan asing ini, yang dibuat di hadapan mata saya sendiri, walaupun kita beri kerjasama untuk membuktikan kepada beliau bahawa perkara ini tidak benar.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Selain itu, Datu Ibrahim juga mengelar wartawan malajah *The Times* sebagai "jahat" apabila menulis "*Near midnight Ibrahim's shiny new Mercedes.*" Datu Ibrahim mengakui sememangnya beliau menaiki kereta Mercedes tetapi hanya menumpang kawan beliau iaitu Zulkifli Hashim yang berkerja di sebuah syarikat yang mempunyai 230 buah kereta jenama Mercedes lama. Menurut Datu Ibrahim, beliau telah memperkenalkan kawannya kepada wartawan tersebut.

Dia tahu kereta Mercedes yang dia naik ini pun saya sudah perkenalkan kepada dia, ini kawan saya nama Zulkifli Hashim bekerja dengan remiser, saya minta dia hantar saya ke tempat ceramah sebab dia selalu ikut saya dan dia suka mendengar

ceramah dan dia kenal, dia bertukar-tukar kad tetapi dia boleh tulis lagi perkara yang tidak tepat.

(Penyata rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Liphole juga telah menulis mengenai keadaan Sekolah Batu Laut sebagai “*dirty schoolyard*.” Sekali lagi Datu Ibrahim mengkritik rencana tersebut dan menyatakan Sekolah Batu Laut adalah sekolah yang cantik dan bersih. Datu Ibrahim berpendapat, Liphole berniat jahat dengan memberikan gambaran apabila beliau memberi ceramah dengan menaiki Mercedes manakala lokasi ceramah itu kelihatan kotor dan tidak terjaga (Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998).

Inilah kejahatannya yang dibuat oleh penulis-penulis asing. Saya bukanlah bertujuan untuk hendak defend ataupun hendak membuat tohmahan atau seumpamanya, cuma saya sebut di sini betapa jahatnya penulis-penulis atau wartawan asing ini dalam mengelirukan pemikiran rakyat negara kita dan juga dunia luar yang saya percaya tujuan mereka. Tengok cara dia menggunakan buat gambar pun bukan main hebat sekali [Sambil menunjukkan majalah tersebut kepada Dewan] caption nya dan wawancaranya dengan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri- Datin Seri Dr Wan Azizah bukan main hebat lagi, cara mereka projek isu ini seolah-olah hendak memburukkan negara kita terus-menerus dalam rencananya di mana perkara-perkara yang tidak tepat.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Usaha media antarabangsa mengkritik Malaysia bukan sahaja melalui gambar dalam rencana yang ditulis tetapi termasuk juga gambar kulit hadapan dengan tajuk-tajuk yang bertujuan untuk memburukkan Malaysia. Majalah *The Times* memberikan gambaran seolah-olah Malaysia dalam keadaan yang tidak stabil. Majalah *The Times* juga menyiarkan terdapat beberapa pemimpin negara yang menghubungi isteri Anwar Ibrahim yang mengambarkan gerakan reformasi mendapat sokongan daripada dunia.

Menurut Datu Ibrahim Ali, tindakan tersebut mengambarkan kelakuan jahat, sikap hipokrit dan sikap tidak bermoral media antarabangsa. Perkara ini menyukarkan kerajaan Malaysia untuk memulih dan menangani masalah ekonomi walaupun pelbagai usaha telah dibuat termasuklah memindah beberapa akta untuk menutup kelemahan-kelemahan tertentu. Disebabkan media antarabangsa yang terus-menerus memainkan peranan memburukkan Malaysia, kemungkinan ekonomi Malaysia pada ketika itu sukar untuk dipulihkan kerana ia berkait rapat dengan keyakinan para pelabur (Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998).

v) Penyebaran Propaganda Oleh Lain-Lain Media Antarabangsa

Di samping itu, media antarabangsa seperti *Asiaweek*, *Far East Economic Review* termasuk beberapa media AS seperti CNN dan CNBC turut didapati mempropagandakan situasi di Malaysia dengan menyerang, mengkritik dan memburuk-burukkan Malaysia melalui penerbitan dan laporan mereka. Contohnya, pada 30 September 1998, semasa persidangan Parlimen yang kesembilan, Datu Haji Ibrahim Ali telah menyentuh tindakan media antarabangsa iaitu CNBC kerana menyerang kerajaan Malaysia, sistem kehakiman, pihak polis, ahli kabinet dan Majlis tertinggi UMNO. Menurut beliau:

Sebab media asing, orang-orang luar yang mencemburui negara kita, sudah menggunakan berita-berita ataupun tohmahan-tohmahan palsu. Isu ini dibesar-besarkan di luar negara, tunjuk perasaan yang 500 orang di Masjid negara dibuat

berita sampai 50,000. Perhimpunan yang tak sampai pun 10,000 orang dikatanya 100,000.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Selain itu, *Asiaweek*, dan *Far East Economic Review* telah menerbitkan gambar-gambar perarakkan yang telah disunting untuk memberikan gambaran bahawa perarakkan tersebut seolah-olah dihadiri oleh 100,000 orang penyokong Anwar Ibrahim. Gambaran yang diberikan oleh ketiga-tiga media tersebut seolah-olah Malaysia berada dalam keadaan yang tidak stabil dan huru-hara. Tindakan media antarabangsa yang sering mengkritik isu berkaitan penahanan dan pendakwaan Anwar Ibrahim dikatakan telah mengganggu proses kehakiman melalui kenyataan-kenyataan yang mengelirukan (Penyata Rasmi Parlimen 30 September 1998).

Macam mana kita hendak menegakkan keluhuran Perlembagaan, macam mana kita hendak biarkan proses kehakiman berjalan dengan lancar kalau ianya diganggu begitu rupa dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab oleh media asing CNBC News.

(Penyata Rasmi Parlimen, 30 September 1998)

Oleh itu, Datuk Zainudin bin Maidin telah menegur sikap pengamal media yang mengeluarkan komen atau sebarang kenyataan semasa kes pendakwaan Anwar Ibrahim berjalan. Semasa menerangkan sikap media tersebut, Datuk Zainudin telah memetik kenyataan dari surat khabar *New Straits Times*:

Dan saya suka menyatakan perhatiannya juga dinyatakan oleh Justice Abdul Wahab iaitu New Straits Times telah menyiar pada 28 April, quoted seorang peguam yang bernama Karpal Singh as saying that "He would seek to have the judge disqualified if he decided to hear the case himself, clearly without waiting for any decision counsel thought fit to make a statement on the matter to the press. The judge said, adding that he should be allowed to make a decision without interference by anyone. If the statement is a threat that such application will be made unless I do not hear the case, it is totally deplorable. He said the proper way to bring up concern about the judge hearing the case or to see the judge in Chamber in the present of all counsel first and that it should only be raised formally in open court for the record as a last resort, but to speak such a matter in the press before it is even properly taken up with the judge is much more than act of thoughtless and gross disrespect in the court.

(Penyata Rasmi Parlimen 4 Mei 1999)

Beliau berpendapat masalah yang wujud bukan apa yang dilaksanakan oleh peguam tetapi apa yang dilaporkan media yang boleh memberi gambaran negatif kepada sesuatu pihak sama ada pihak peguam ataupun ahli politik yang terlibat (Penyata Rasmi Parlimen, 6 Mei 1999). Beliau sendiri meragui kebenaran dakwaan yang dikemukakan oleh pihak media khususnya media antarabangsa. Beliau juga merasa risau kerana media antarabangsa sering menggunakan pendekatan serangan media bagi menyebarkan propaganda dan provokasi serta mendesak kerajaan Malaysia untuk mengambil pendekatan yang sewajarnya semasa mengendalikan kes pendakwaan Anwar Ibrahim.

Ini menunjukkan bahawa media sangat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perjalanan kes pendakwaan Anwar Ibrahim dan mampu menggugat perkembangan ekonomi Malaysia dengan menggunakan propaganda media melalui mesej-mesej negatif dan provokatif yang diterbitkan. Bagi Dr Mahathir Mohamad, kebanyakan

laporan provokatif media antarabangsa mempunyai kaitan dengan tindakan Anwar dan pengikutnya. Menurut Dr Mahathir Mohamad, “Mereka menggunakan media Barat disebabkan mereka tahu bahawa media Barat khususnya media AS tidak begitu mesra dengan kerajaan Malaysia semasa berada di bawah pimpinan saya.” Hal ini kerana, Dr Mahathir begitu lantang mengkritik negara-negara Barat. Oleh itu, peluang tersebut digunakan oleh Anwar Ibrahim dan pengikutnya untuk menentang pentadbiran Dr Mahathir Mohamad (Temu bual Dr Mahathir 23 November 2017).

vi) Impak Propaganda Media Antarabangsa ke atas Malaysia

Disebabkan oleh tindakan media antarabangsa yang sering menerbitkan berita yang bertentangan dengan realiti sebenar mengenai situasi di Malaysia, perkara tersebut telah menimbulkan keimbangan kerajaan Malaysia kerana kebanyakan media antarabangsa mempunyai pengaruh yang tersendiri. Oleh itu, apa-apa sahaja berita yang diterbitkan dianggap mampu mempengaruhi pembaca walaupun tidak melaporkan keadaan yang sebenar. Oleh itu, Dato Abdul Aziz mencadangkan agar kerajaan Malaysia mewujudkan satu barisan hadapan yang terdiri dalam kalangan rakyat Malaysia yang berpengalaman. Usaha ini ditumpukan kepada Kementerian Luar Negeri agar menyenaraikan mereka yang dianggap boleh berdialog dengan pihak media antarabangsa untuk menjelaskan keadaan sebenar negara Malaysia (Penyata Rasmi Parlimen 1 Oktober 1998).

Dato' Abdul Aziz turut mencadangkan agar akhbar berbahasa Inggeris seperti *New Straits Times* dihantar setiap hari menggunakan perkhidmatan penerbangan *Malaysia Airlines* (MAS) agar pihak di AS dan England mendapat maklumat yang sebenarnya mengenai keadaan di Malaysia dan bukannya maklumat yang telah diputar belit atau ditokok tambah oleh media antarabangsa seperti *Washington Post* dan *New York Times*. Usaha ini dicadangkan kerana surat khabar yang dikirim dari Malaysia menggunakan perkhidmatan bag diplomatis mengambil masa selama dua minggu untuk sampai ke AS dan England (Penyata Rasmi Parlimen, 1 Oktober 1998).

Propaganda oleh media antarabangsa yang sering menyebarkan maklumat mengenai situasi yang tidak stabil di Malaysia turut memberi kesan ke atas pendapatan negara Malaysia dalam sektor pelancongan. Pendapatan sektor pelancongan Malaysia didapati menurun daripada RM11.3 bilion pada tahun 1996 kepada RM9.3 bilion pada tahun 1998 iaitu penurunan sebanyak RM2 bilion. Sektor pelancongan yang juga merupakan sumber pendapatan kedua terbesar Malaysia telah jatuh ketempat ketiga (Penyata Rasmi Parlimen, 4 Mei 1999). Kebanyakan ahli Parlimen Malaysia percaya bahawa propaganda media antarabangsa yang memaparkan maklumat negatif mengenai Malaysia menyumbang kepada kejatuhan pendapatan Malaysia dalam sektor pelancongan. Hal ini kerana, penyebaran maklumat oleh media antarabangsa memberi gambaran bahawa Malaysia merupakan negara yang tidak selamat untuk dikunjungi.

Pada 25 April 2000, semasa persidangan Parlimen yang kesepuluh, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menekankan mengenai propaganda media antarabangsa dengan membandingkan situasi yang berlaku di Malaysia dan AS. Menurut beliau, demonstrasi yang berlaku di Seattle AS tidak mendapat liputan yang meluas oleh surat khabar AS. Sebaliknya, berita berkenaan demonstrasi di Malaysia yang dilakukan oleh penyokong Anwar Ibrahim telah diterbitkan setiap hari oleh media antarabangsa khususnya media AS (Penyata Rasmi Parlimen, 26 April 2000). Menurut Datuk Abdul Aziz:

Cuba bayangkan bagaimana cerita-cerita ini diulang tiap-tiap hari 24 jam oleh CNN dan CNBC dan Washington Post, International Tribune misalnya akan menceritakan berbagai-bagai cerita tetapi apabila berlaku perkara ini, demonstrasi seperti ini di Washington dan Seattle kecil saja ceritanya, lepas tu terus dibandingkan dengan kekerasan yang wujud di Malaysia. Apabila berlakunya penangkapan beberapa orang baru-baru ini untuk kita menjadi proaktif menahan supaya demonstrasi tidak mengacau kedudukan keamanan dan harmoni di negara kita. Itu pun dia kata kita tidak demokratik.

(Penyata Rasmi Parlimen, 26 April 2000)

Semasa persidangan Parlimen pada 18 Disember 2000, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah bertanya kepada Datuk Fu Ah Kiow dari Pahang berkenaan maklumat yang diperolehi daripada surat khabar tempatan. Surat khabar tersebut ialah *Utusan Malaysia* bertajuk "Usaha sabotaj Malaysia-Penyokong Anwar Ibrahim upah perunding di Washington." (Utusan Malaysia, 27 Oktober 2000) Menurut Dato' Abdul Aziz:

Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar dalam satu seminar mempromosi perdagangan untuk Malaysia di Amerika, di dalam fail-fail peserta-peserta yang menyertai seminar itu terselit cerita menghentam kerajaan, terselit cerita Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya ingin mengetahui dari kementerian bagaimana perkara semacam ini boleh berlaku, ini merupakan satu sabotaj dan memang wujud pendekatan hendak sabotaj ekonomi negara kita kerana ada satu pengumuman dibuat oleh parti pembangkang yang mereka menggunakan pelobi Amerika supaya berhati-hati hendak melabur di negara Malaysia ini

(Penyata Rasmi Parlimen, 20 Disember 2000)

Artikel yang diterbitkan oleh *Utusan Malaysia* itu telah menyebabkan kerisauan dalam kalangan ahli Parlimen kerana penyokong Anwar Ibrahim sanggup mengambil sebarang tindakan dengan menggunakan media antarabangsa untuk mencapai agenda politik termasuklah mencemarkan nama baik Malaysia. Tindakan tersebut juga dianggap mampu merugikan Malaysia terutamanya dalam aspek perdagangan dan pelaburan (Penyata Rasmi Parlimen, 20 Disember 2000). Tambahan pula, serangan media antarabangsa ke atas Malaysia dilihat mempunyai kaitan dengan kebebasan yang diberikan kepada editorial dan wartawan dalam melaporkan isu tersebut. Oleh sebab itu, Tan Sri Syed Hamid Albar menyatakan bahawa media antarabangsa khususnya media antarabangsa tidak meletakan etika dan moral sebagai perkara utama kerana yang penting boleh melaporkan isu berkaitan kes Anwar Ibrahim dan boleh menjual surat khabar mereka (Temu bual Tan Sri Syed Hamid Albar, 27 Januari 2018).

KESIMPULAN

Media antarabangsa memainkan peranan yang signifikan dan didapati telah meninggalkan impak negatif ke atas imej dan pembangunan ekonomi Malaysia dalam kes penahanan dan pendakwaan Ibrahim melalui pendekatan propaganda dan laporan yang bersifat provokatif ke atas Malaysia. Perkara ini jelas apabila media antarabangsa menyerang, mengkritik Malaysia yang memberi gambaran seolah-olah Malaysia berada dalam keadaan yang tidak stabil dan huru hara. Mesej-mesej negatif yang diterbitkan bukan sahaja mencalar imej Malaysia, juga memberi pengaruh negatif ke atas pendapatan sektor pelancongan Malaysia. Perkara tersebut telah menaikkan kemarahan kerajaan Malaysia apabila ahli Parlimen Malaysia mengkritik media antarabangsa kerana menerbitkan rencana yang menyerang dan melaporkan berita

yang kurang tepat mengenai situasi sebenar. Ini membawa kepada hubungan yang tidak harmoni antara kerajaan Malaysia dengan media antarabangsa. Oleh itu jelas bahawa propaganda yang disebarluaskan oleh media antarabangsa tidak membantu Malaysia mengendalikan kes Anwar Ibrahim, sebaliknya merumitkan lagi keadaan tersebut. Walaupun peristiwa ini pada mulanya dipandang sebagai masalah dalaman Malaysia namun ia menjadi isu yang hangat disebabkan rasa tidak puas hati pihak-pihak tertentu termasuklah media antarabangsa ke atas tindakan menahan dan mendakwa Anwar Ibrahim yang disampaikan melalui laporan yang bersifat provokatif ke atas Malaysia

RUJUKAN

- Aliran. 1 March 1999.
- Aszlan Selamat dan Shakila Yacob. (2019). Persitiwa Penahanan dan Pendakwaan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat, 1998-2004. *SEJARAH: Jurnal Jabatan Sejarah*. Vol. 27. No. 2, p. 66-82. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/16926>.
- BBC. 10 November 1998.
- BBC. 17 Ogos 2016.
- BBC. 4 Oktober 1998.
- BBC. 4 September 1998.
- BBC.13 September 1998.
- BBC.19 September 1998.
- BBC.30 September 1998.
- Boelcke, W.A. (1970). *The Secret Conference of Dr Goebbels*. London: Ed Dutton & Co.
- Bukhory Ismail, Amelia Abd Aziz dan Zulkipli Abu Bakar. (2000). *Kamus Komunikasi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Combs, James E. and Nimmo, Dan. (1994). Propaganda Baru, Kediktatoran Perundingan dalam Politik Masa Kini, Penterjemahan: Lien Amalia, Remaja Rosdakarya: Bandung.
- Couloumbis, Theodorw A. dan Wolfe, James H. (1990). *Introduction to International Relations, power and Justice*. New Jersey: Prentice Hall. <http://www.prpm.dbp.gov.my>
- Jowett, Garth. (1999). *Propaganda and persuasion*. California: SAGE Publication, Inc.
- Mahathir Mohammad. (2014). *Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohammad*. Selangor: MPH Publishing.
- Malik Dedy Djamaruddin, Rakhmat Jalaluddin dan RahmatMohammad Shoelhi. (1993). *Komunikasi Internasional*. Banduang: LP3K dan Remaja Rosdakarya.
- Mansor Ahmad Saman. (1995). *Penulisan dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mas Juliana Mukhtaruddin. (2015). An Evaluation of Malaysia's Political Leadership dlm Malaysia-US Relations in the Post 9/11 Era. *Journal of International Studies*. Vol. 11. 141-154.
- Trowell, Mark. (2012). *Sodomy II: The Trail of Anwar Ibrahim*. Singapore: Marshall Cavendish.
- New Straits Times. 14 September 1998.
- New Straits Times. 3 September 2004.
- New Straits Times. 4 September 1998.
- New York Times, April 15, 1999.

- New York Times. 21 September 1998.
- New York Times. 22 September 1998.
- New York Times. 24 April 1999.
- New York Times. 3 September 1998.
- New York Times. 9 Ogos 2000.
- Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara. 1 Oktober 1998. Parlimen Kesembilan, Penggal Empat, Mesyuarat Khas, Bil. 25. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen. 20 Disember 2000. Dewan Negara. Parlimen Kesepuluh. Penggal Kedua. Bil. 30. Mesyuarat Pertama. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen. 26 April 2000. Dewan Negara, Parlimen kesembilan, Penggal Empat Bil. 7. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen. 30 September 1998. Dewan Negara. Parlimen Kesembilan. Penggal Empat Bil. 24. Mesyuarat Khas. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen. 4 Mei 1999. Dewan Negara. Parlimen Kesembilan. Penggal Empat Bil .2. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Parlimen. 6 Mei 1999. Dewan Negara, Parlimen Kesembilan, Penggal Empat Bil .4. Cawangan Dokumentasi Parlimen Malaysia.
- McLaurin, Ron D. (1982). *Military Propaganda: Psychological Warfare and Operations*. New York: Praeger.
- Sodhy, Pamela. (2011). *Malaysia-US Relations 2000-2011*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic & International Studies (ISIS) 2011.
- Temu bual Tan Sri Syed Hamid Albar. 27 Januari 2018. Bukitsetia Damansara.
- Temu bual Tun Dr Mahathir Mohammad. 23 November 2013. Yayasan Kempimpinan Perdana.
- Theodorow A. Couloumbis dan James H. Wolfe. (1990). *Introduction to International Relations, power and Justice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Utusan Malaysia, 04 September1998.
- Utusan Malaysia. 13 Mei 2001.
- Utusan Malaysia. 19 September 1998.
- Utusan Malaysia. 6 Mei 1999.
- Utusan Malaysia. 27 Oktober 2000.
- West, Richard dan Turner, Lynn H. (2008). *Pengantar Teori Komunikasi Analisis dan Aplikasi* (Edisi 3). Buku 1, Penterjemah: Maria Natalia Damayanti Maer. Jakarta: Salemba Humanika.

MAKLUMAT PENULIS

ASZLAN SELAMAT

Calon PhD di Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.
aszlanselamat@gmail.com

SHAKILA YACOB

Profesor di Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.
shakila.yacob@gmail.com